



UNTUK SIARAN SERTA-MERTA

**FORUM
'THE FUTURE OF ASEAN DURING MALAYSIA'S CHAIRMANSHIP'
11 JULAI 2024
HOTEL ZENITH, PUTRAJAYA**

Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR) akan menganjurkan forum bertajuk '**The Future of ASEAN Under Malaysia's Chairmanship**' di **Hotel Zenith, Putrajaya** pada hari **Khamis, 11 Julai 2024** dari pukul **10.00 pagi sehingga 12.00 tengah hari**.

Malaysia akan menjadi Pengerusi ASEAN pada tahun 2025. Dalam menghadapinya, Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada pelbagai program, mesyuarat dan persidangan kemuncak ASEAN pada tahun hadapan, seraya menetapkan hala tuju yang jelas untuk mengemudi ASEAN kepada masa hadapan yang cerah. Sehubungan itu, forum ini akan menghimpunkan pakar dari kalangan ahli akademik dan pengamal industri yang boleh dimanfaatkan daripada pandangan dan pengalaman mereka melalui perbincangan yang komprehensif dan seimbang. Tiga orang panelis yang mempunyai kepakaran berkaitan topik perbincangan akan menjadi pembicara bagi forum ini, iaitu Profesor Dr Sufian Jusoh, Pengarah, Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Ruhanas Harun, Profesor, Jabatan Hubungan Antarabangsa, Keselamatan dan Undang-undang, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dan Dato' Dr Ilango Karuppappan, Profesor Adjung, Universiti Malaya (UM) dan juga ahli Persatuan Bekas Duta-Duta Besar Malaysia (AFMA).

Forum ini akan membincangkan pencapaian ASEAN sepanjang penubuhannya, serta cabaran-cabaran semasa dan yang akan datang dengan menawarkan perspektif berbeza berhubung langkah-langkah yang perlu diambil untuk membantu Malaysia dalam mengemudi agenda ASEAN pada tahun 2025 dan tahun-tahun mendatang ke arah organisasi serantau yang dihormati dan berpengaruh.

Forum ini akan dihadiri oleh pegawai-pegawai dari Kementerian Luar Negeri, Kementerian-Kementerian serta Agensi Kerajaan lain, ahli akademik, pemimpin industri dan para penyelidik.

**KUALA LUMPUR
9 JULAI 2024**